

# **Penerokaan Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua Dan Pengurusan Kehadiran Murid Orang Asli Program Pendidikan Khas Integrasi (Ppki) Di Sekolah Menengah Daerah Petaling Utama**

**Nur Azreen Syaza Azlan<sup>1</sup>, Aida Hanim A. Hamid<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

[g-00556761@moe-dl.edu.my](mailto:g-00556761@moe-dl.edu.my)

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan kepimpinan instruksional pengetua dan pengurusan kehadiran murid Orang Asli dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah menengah daerah Petaling Utama. Kehadiran murid yang konsisten adalah penting bagi memastikan keberkesanan pembelajaran, namun murid Orang Asli sering menghadapi cabaran seperti kekurangan motivasi, masalah pengangkutan, serta sokongan keluarga yang terhad. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes di sebuah sekolah menengah terpilih. Data diperoleh melalui temu bual separa struktur, pemerhatian, dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan pengetua dalam kepimpinan instruksional, termasuk strategi seperti program motivasi, penyediaan sokongan logistik, dan penglibatan keluarga, memainkan peranan penting dalam meningkatkan kadar kehadiran murid. Kajian ini mencadangkan pendekatan bersepadu yang melibatkan sekolah, keluarga, dan komuniti dalam usaha memastikan pendidikan yang lebih inklusif dan holistik bagi murid Orang Asli.

Kata kunci: Kepimpinan instruksional, kehadiran murid, Orang Asli, PPKI, sokongan keluarga, motivasi, logistik.

## **ABSTRACT**

This study aims to explore the instructional leadership practices of principals and the management of Indigenous students' attendance in the Integrated Special Education Programme (PPKI) at secondary schools in the Petaling Utama district. Consistent student attendance is crucial for ensuring effective learning; however, Indigenous students often face challenges such as a lack of motivation, transportation issues, and limited family support. This study adopts a qualitative approach using a case study design at a selected secondary school. Data were collected through semi-structured interviews, observations, and document analysis. Findings indicate that the role of the principal in instructional leadership—including strategies such as motivation programs, logistical support, and family engagement—plays a vital role in

improving student attendance. This study suggests an integrated approach involving schools, families, and communities to ensure a more inclusive and holistic education for Indigenous students.

Keyword: Instructional leadership, student attendance, Indigenous students, PPKI, family support, motivation, logistics.

## **1.0 PENGENALAN**

### Pengenalan

Akses kepada pendidikan berkualiti adalah hak asasi setiap individu, tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, geografi, dan budaya. Menurut Laporan UNESCO Global Education Monitoring (GEM) 2020, pendidikan berkualiti ditakrifkan sebagai sistem yang menyediakan pembelajaran inklusif, berkesan, dan saksama, dengan mengambil kira keperluan pelajar daripada pelbagai kumpulan masyarakat (UNESCO, 2020). Pendidikan berkualiti bukan sahaja melibatkan penyampaian kurikulum yang standard tetapi juga memastikan kehadiran murid ke sekolah secara konsisten melalui pengurusan sistem sokongan yang baik. Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDG 4) turut menekankan kepentingan pendidikan berkualiti yang inklusif dan saksama untuk memastikan semua individu mempunyai peluang pembelajaran sepanjang hayat (United Nations, 2015). Di Malaysia, usaha ke arah memastikan akses kepada pendidikan berkualiti telah menjadi keutamaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, yang menekankan keperluan pendidikan yang lebih holistik dan bersifat inklusif kepada semua lapisan masyarakat, termasuk komuniti luar bandar dan Orang Asli (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

### Latar Belakang Kajian

Kepimpinan instruksional pengetua adalah salah satu aspek penting dalam sistem pendidikan yang memainkan peranan utama dalam menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dalam konteks Malaysia, kepimpinan instruksional semakin mendapat perhatian sebagai faktor yang mempengaruhi kejayaan murid, terutamanya bagi murid-murid dari komuniti yang terpinggir seperti Orang Asli dan mereka yang memerlukan pendidikan khas. Kajian ini memberi tumpuan kepada hubungan antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dengan pengurusan kehadiran murid Orang Asli dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Sekolah Menengah Daerah Petaling Utama.

Kepimpinan instruksional merujuk kepada tindakan pengetua dalam memimpin dan menguruskan aspek pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kepimpinan instruksional daripada pengetua memberi kesan ketara kepada kerjasama guru, yang seterusnya mengukuhkan kepercayaan keberkesanan kolektif dan memupuk pembelajaran pelajar. Hal ini, dapat memastikan kualiti pengajaran, memantau prestasi guru, menyediakan sokongan profesional kepada guru, dan memastikan bahawa semua murid menerima pendidikan yang berkualiti. Yaakob dan Ishak (2023) menyatakan bahawa model kepimpinan instruksional berkongsi dimensi asas seperti mentakrif dan menyampaikan matlamat sekolah, memantau dan menyediakan maklum balas tentang pengajaran dan pembelajaran, dan menggalakkan pembangunan profesional guru dan pemimpin. Manakala, Yasim et al., (2020) menyatakan bahawa kepimpinan instruksional melibatkan tiga dimensi utama iaitu mendefinisi visi sekolah, mengurus program instruksional dan mewujudkan iklim sekolah yang positif.

Murid Orang Asli di Malaysia sering kali menghadapi pelbagai cabaran dalam mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Menurut laporan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada tahun 2018, kadar kehadiran murid Orang Asli adalah lebih rendah berbanding dengan murid bukan Orang Asli. Antara faktor yang menyumbang kepada rendahnya kadar kehadiran ini termasuklah masalah sosioekonomi, jarak sekolah yang jauh, dan kurangnya kesedaran tentang kepentingan pendidikan di kalangan komuniti Orang Asli.

Hasil kajian oleh Nurul dan Aini (2018) mendapati kurang persekitaran pembelajaran kondusif, guru kurang memahami dan kurang kemahiran dalam menangani cabaran pembelajaran murid Orang Asli, kurang motivasi dari ibu bapa serta kurangnya penekanan terhadap kepentingan pendidikan yang berasaskan budaya masyarakat Orang Asli. Menurut tinjauan, bilangan murid Orang Asli semakin meningkat manakala kualiti pendidikan mereka semakin menurun. Apabila murid-murid lain terus belajar dan maju dalam pendidikan mereka, peningkatan dalam pendidikan murid Orang Asli tidak seiring dengan peredaran masa. Ini menunjukkan masyarakat Orang Asli tidak akan dapat menandingi atau berdaya saing dalam pendidikan jika masih berterusan.

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) adalah satu inisiatif oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan bahawa murid-murid dengan keperluan pendidikan khas mendapat akses kepada pendidikan yang sesuai dengan keperluan mereka. PPKI bertujuan untuk mengintegrasikan murid-murid ini ke dalam sistem pendidikan arus perdana dengan menyediakan perkhidmatan sokongan yang diperlukan (Tembren & Tahar, 2022). Ini termasuklah sokongan dari segi kurikulum, kaunseling, dan kemudahan fizikal yang sesuai.

Berlandaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, kerajaan telah menyediakan peluang pendidikan yang sama rata kepada semua pelajar di Malaysia. Pendidikan Khas ialah satu perkhidmatan pendidikan yang direka khas untuk memenuhi keperluan pelajar berkeperluan khas. Di Malaysia, penekanan diberikan kepada kebolehan, kefungsi, kemahiran perkembangan, penguasaan, dan pencapaian kanak-kanak berkeperluan khas dalam kemahiran-kemahiran perkembangan mereka (Tembren & Tahar, 2022).

Rentetan itu, pelaksanaan PPKI juga dipengaruhi dengan penerimaan guru-guru tentang beberapa perkara iaitu ilmu yang tinggi dan tingkah laku yang baik. PPKI dapat dilaksanakan dengan baik sekiranya guru mempunyai ilmu yang tinggi serta sikap dan tingkah laku yang baik agar pelaksanaan PPKI dapat dijadikan amalan dalam kehidupan (Tembren & Tahar, 2022). Ini juga memberi makna, sekiranya seorang guru telah dapat menerima PPKI ini, maka pelaksanaan PPKI dapat diteruskan dengan jayanya dan sikap penerimaan positif ini merupakan amalan yang perlu diadaptasi dalam diri seorang guru.

Murid-murid dalam PPKI sering kali memerlukan perhatian dan sokongan tambahan untuk memastikan mereka dapat mengikuti pembelajaran dengan baik. Demikian itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan sebuah harapan kepada murid berkeperluan khas untuk mendapatkan pendidikan pada peringkat awal usia (Yosuf et al., 2020). Rentetan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Khas Bahagian telah melancarkan Program Khas Integrasi (PPKI) untuk memastikan pelajar Khas

boleh belajar di sekolah Khas atau sekolah kerajaan berintegrasi, manakala Program Inklusif (PPI) (MBK) membenarkan pembelajaran biasa di sekolah Khas atau sekolah kerajaan (Tembren & Tahar, 2022).

Isu kehadiran murid dalam kalangan komuniti Orang Asli, khususnya yang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), telah menarik perhatian ramai penyelidik. Kehadiran murid yang tidak konsisten boleh memberi impak negatif terhadap perkembangan akademik, sosial, dan kemahiran hidup murid berkeperluan khas. Walaupun terdapat banyak kajian berkaitan kehadiran murid secara umum, kajian yang memberi tumpuan kepada murid Orang Asli dalam program pendidikan khas masih terhad. Justeru, literatur ini akan mengupas hasil kajian terdahulu yang berkaitan dengan faktor-faktor mempengaruhi kehadiran murid, cabaran pengurusan sekolah, serta strategi intervensi yang boleh dilaksanakan.

### Kajian Literatur

Kehadiran murid Orang Asli dalam sistem pendidikan sering dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti sosioekonomi keluarga, budaya, logistik sekolah, dan pendekatan pengajaran. Menurut kajian oleh Mohd Noor (2019), tahap pendidikan ibu bapa yang rendah menjadi salah satu punca utama kehadiran murid Orang Asli ke sekolah tidak konsisten. Ramai ibu bapa dalam komuniti ini tidak melihat pendidikan formal sebagai satu keperluan penting. Bagi mereka, kemahiran asas seperti bertani dan menangkap ikan lebih berguna untuk kehidupan seharian. Hal ini menyebabkan sokongan keluarga terhadap pendidikan anak-anak amat terhad, sekaligus menyumbang kepada kehadiran yang rendah.

Faktor ekonomi turut memainkan peranan yang signifikan dalam isu ini. Kajian oleh Abdullah et al. (2020) menunjukkan bahawa kebanyakan keluarga Orang Asli berada dalam kategori miskin tegar dan bergantung kepada sumber pendapatan harian yang tidak menentu. Menurut Laporan Status Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli (SUHAKAM, 2010), murid Orang Asli sering kali terpaksa membantu keluarga mereka mencari nafkah, terutamanya dalam pekerjaan tradisional seperti pertanian dan perikanan. Situasi ini menyebabkan pendidikan formal tidak menjadi keutamaan bagi keluarga Orang Asli. Dalam keadaan seperti ini, murid-murid sering kali diminta untuk membantu keluarga bekerja atau menjaga adik-beradik di rumah. Ini menyebabkan murid tidak dapat hadir ke sekolah secara konsisten. Faktor ini turut diperkuatkan oleh Abdullah et al., (2021) pula menyatakan bahawa kekurangan sumber kewangan menyebabkan ibu bapa Orang Asli tidak mampu menyediakan keperluan asas pendidikan seperti pakaian seragam, buku, dan tambang pengangkutan (Abdullah et al., 2021). Kajian ini turut menunjukkan bahawa kurangnya kesedaran tentang manfaat pendidikan jangka panjang memperburuk lagi keadaan ini.

Selain itu, faktor budaya juga memainkan peranan penting dalam kehadiran murid Orang Asli. Gaya hidup nomad yang masih diamalkan oleh sebahagian keluarga Orang Asli menjadi salah satu cabaran besar. Menurut kajian oleh Wan Afizi dan Edam (2014), budaya berpindah-randah menyebabkan murid kehilangan peluang untuk mendapat pendidikan formal yang konsisten. Tambahan pula, persepsi negatif terhadap sistem pendidikan formal sering kali dipengaruhi oleh pengalaman generasi terdahulu yang tidak berjaya dalam pendidikan.

Dalam kajian yang sama, ibu bapa Orang Asli lebih mengutamakan nilai kebersamaan dalam keluarga dan kemahiran hidup asas seperti berburu dan bertani, yang dilihat lebih relevan dengan kehidupan harian mereka (Wan Afizi & Edam, 2014). Budaya ini menjejaskan motivasi murid untuk hadir ke sekolah kerana pendidikan formal tidak dianggap sebagai keperluan utama. Di peringkat sekolah, kajian oleh Othman

(2022) mendapati bahawa kurangnya pendekatan inklusif dalam sistem pendidikan menjadi cabaran utama dalam menarik kehadiran murid Orang Asli. Persekitaran sekolah yang tidak mesra dan kurang memahami keperluan murid berkeperluan khas sering kali menyebabkan murid rasa tersisih. Menurut Othman (2022), kurikulum yang serasi dengan budaya dan gaya pengajaran yang disesuaikan boleh membantu meningkatkan penyertaan murid Orang Asli dalam sistem pendidikan tempatan. Ini lebih ketara dalam konteks PPKI, di mana murid-murid memerlukan pendekatan pengajaran yang berbeza dan lebih bersifat individu. Guru yang tidak mempunyai latihan khusus untuk mengendalikan murid Orang Asli turut menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada masalah ini.

### Tujuan Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk meneliti hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dan pengurusan kehadiran murid Orang Asli dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah A di Kota Damansara. Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap kepimpinan instruksional pengetua di sekolah A, bagi menilai tahap kehadiran murid Orang Asli dalam PPKI di sekolah tersebut, dan menganalisis hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dan pengurusan kehadiran murid Orang Asli dalam PPKI.

## **2.0 METODOLOGI KAJIAN**

### Pengenalan

Metodologi kajian memainkan peranan penting dalam memastikan kajian yang dijalankan dapat mencapai objektifnya dengan berkesan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan kepimpinan instruksional pengetua dan pengurusan kehadiran murid Orang Asli dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Sekolah Menengah Daerah Petaling Utama. Oleh itu, pendekatan kualitatif digunakan dengan reka bentuk kajian kes, yang membolehkan penyelidik memperoleh maklumat mendalam mengenai fenomena yang dikaji dalam konteks tertentu. Reka bentuk ini juga memberi ruang kepada penyelidik untuk memahami pengalaman, pandangan, dan realiti yang dihadapi oleh pihak-pihak berkepentingan seperti pentadbir sekolah, guru, ibu bapa, dan murid Orang Asli dalam PPKI.

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif bagi meneroka dengan lebih mendalam amalan kepimpinan instruksional pengetua dan cabaran dalam pengurusan kehadiran murid Orang Asli. Pendekatan kualitatif memberi penekanan kepada pemahaman fenomena dalam konteks yang kaya dengan makna serta menganalisis persepsi dan pengalaman responden. Menurut Creswell (2014) dan Istiaq (2019), reka bentuk kualitatif sesuai untuk kajian yang memerlukan pemahaman terperinci dan mendalam tentang perspektif responden, terutamanya dalam konteks sosial yang kompleks seperti pendidikan khas untuk murid Orang Asli. Menurut Yin (2003), kajian kes berkesan apabila perlu memahami "bagaimana" dan "mengapa" sesuatu fenomena berlaku dalam konteks sebenar, dan ini amat sesuai untuk objektif kajian ini. Ajzen (2008) telah mengesyorkan bahawa penggunaan kaedah temubual mendalam adalah satu cara bagi memperolehi kepercayaan yang berkaitan dengan topik kajian. Ini disokong oleh Yin (2003) yang mengatakan bahawa kaedah kualitatif adalah sesuai untuk mengkaji peristiwa-peristiwa semasa dan meneroka subjek-subjek yang belum diterokai lagi sebelum ini.

Pemilihan reka bentuk kualitatif adalah sesuai kerana ia membolehkan penyelidik mendapatkan pandangan langsung daripada responden seperti pengetua, ibu bapa, dan tok batin (ketua komuniti Orang Asli). Melalui reka bentuk ini, penyelidik dapat mengkaji isu-isu kehadiran secara holistik dan mengenal pasti faktor-faktor yang mungkin tidak terungkap melalui kaedah kuantitatif.

#### Instrumen Kajian

Psikologi George Kelly (1995) pernah mengemukakan pandangan bahawa apabila sesuatu masalah sukar untuk difahami, cara terbaik untuk mendekati isu tersebut adalah dengan bertanya secara langsung kepada pihak yang terlibat. Oleh itu, dalam kajian ini, kaedah kualitatif akan digunakan, dan temu bual dijadikan instrumen utama. Temu bual ini akan melibatkan murid Orang Asli, pengetua, serta ibu bapa dan tok batin, dengan fokus terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kehadiran murid. Selain itu, dokumen-dokumen yang berkaitan turut dianalisis bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang masalah yang dikaji.

#### Temubual Separa Berstruktur

Satu set soalan temu bual yang berbentuk separuh berstruktur ditanyakan kepada setiap sampel yang terlibat. Kaedah temu bual digunakan kerana ianya akan menghasilkan maklumat yang lebih mendalam melalui soalan-soalan berpandu yang menjurus mencari faktor sebenar pelajar terbabit kerap tidak hadir ke sekolah dan juga apakah minat sebenar mereka dalam kegiatan sekolah iaitu berlandaskan soalan-soalan kajian yang telah dinyatakan dalam bab 1. Jenis soalan-soalan yang diajukan adalah berbentuk soalan terbuka yang bertujuan untuk mencungkil maklumat lebih lanjut daripada pelajar terbabit. Segala maklumbalas akan dikumpul dalam borang khas dan dinilai untuk tindakan seterusnya. Temubual separa berstruktur dijalankan dengan pengetua, ibu bapa, dan tok batin untuk memahami cabaran dan strategi yang digunakan oleh pengetua dalam menggalakkan kehadiran murid Orang Asli. Soalan-soalan temubual merangkumi aspek seperti:-

- i. Kepimpinan instruksional yang diamalkan oleh pengetua
- ii. Persepsi ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak mereka
- iii. Faktor budaya dan sosio-ekonomi yang mungkin menghalang kehadiran murid

Temubual ini membantu dalam memperoleh maklumat yang spesifik dan mendalam, serta membolehkan pengkaji menyesuaikan soalan berdasarkan respon yang diberikan oleh responden. Soalan sudah dirancang sebelum temubual diadakan, tetapi semasa menemu bual responden tersebut, pengkaji menanyakan soalan lain sebagai tambahan.

#### Analisis Dokumen

Analisis dokumen pula akan dilakukan pada rekod kehadiran kokurikulum pelajar, buku rekod kehadiran pelajar, jadual kegiatan kokurikulum sekolah dan takwim sekolah yang merupakan dokumen rasmi sekolah. Dokumen-dokumen ini dianalisis kerana ianya merupakan bukti sahih dan rasmi ketidakhadiran pelajar terbabit ke kegiatan kokurikulum dan seterusnya menerangkan kekerapan dan pola ketidakhadiran mereka.

Selain itu, data kehadiran murid dari APDM turut dianalisis bagi mendapatkan gambaran yang objektif mengenai kehadiran murid Orang Asli dalam tempoh kajian. Dokumen ini memberikan maklumat yang sahih mengenai kehadiran murid dan membolehkan penyelidik mengenal pasti trend atau corak kehadiran.

Data dari APDM juga akan digunakan untuk triangulasi data yang diperoleh melalui temubual bagi memastikan kesahan maklumat.

### Prosedur Pemerolehan Data

Dalam kajian ini, data dikumpulkan melalui temubual dan analisis dokumen dalam beberapa langkah:

- 1) Analisis dokumen kehadiran (APDM): Penyelidik menjalankan analisis dokumen terhadap rekod kehadiran murid dari APDM bagi mengenal pasti murid-murid yang kerap tidak hadir.
- 2) Temubual: Temubual separa berstruktur dijalankan dengan pengetua, ibu bapa, dan tok batin bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kehadiran.
- 3) Pemerhatian: Setiap temubual mengambil masa sekitar 30 hingga 45 minit, dan dijalankan di sekolah atau di rumah ibu bapa mengikut keselesaan responden. Proses pengumpulan data ini mengambil masa lebih kurang dua bulan bagi memastikan setiap peserta dapat memberikan maklumat yang lengkap dan tepat.

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan kepimpinan instruksional pengetua sekolah menengah, amalan pengurusan kehadiran murid orang asli PPKI, dan strategi menangani masalah kehadiran murid orang asli ke sekolah. Prosedur pengumpulan data ini dilaksanakan melalui beberapa fasa bagi memastikan data yang diperoleh adalah tepat, relevan, dan mencukupi untuk menjawab persoalan kajian yang dikemukakan.

### Tatacara Penganalisisan Data

Data yang dikumpulkan melalui temu bual dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tema, yang bertujuan untuk mengenal pasti tema-tema penting yang berkaitan dengan kepimpinan instruksional dan pengurusan kehadiran murid. Kaedah ini melibatkan beberapa peringkat utama iaitu pengkodan awal, pengelompokan kod kepada tema dan analisis deskriptif bagi data dokumen. Berikut adalah bagaimana kaedah-kaedah ini dapat digunakan dalam kajian ini:

- 1) Pengkodan Awal: Data yang diperoleh daripada transkrip temu bual dikodkan kepada kod-kod awal berdasarkan maklumat penting yang muncul secara berulang. Kod-kod ini membantu pengkaji mengenal pasti pola atau makna yang signifikan dalam data yang dikumpulkan.
- 2) Pengelompokan Kod kepada Tema: Kod-kod yang telah dihasilkan kemudiannya dikelompokkan kepada tema-tema utama yang berkaitan dengan objektif kajian. Contohnya, bagi kajian ini, tema-tema utama mungkin termasuk aspek kepimpinan instruksional seperti sokongan pengetua kepada guru atau strategi peningkatan kehadiran murid Orang Asli.
- 3) Analisis Deskriptif bagi Data Dokumen: Data dari dokumen, seperti rekod kehadiran murid, dianalisis secara deskriptif untuk mengenal pasti trend atau pola kehadiran murid Orang Asli. Data ini membantu penyelidik memahami situasi sebenar dan menyokong dapatan dari temu bual. Trend kehadiran yang diperoleh dibandingkan dengan tema yang dikenal pasti melalui temu bual untuk menghasilkan gambaran holistik tentang isu kehadiran.

Dalam kajian ini, kaedah triangulasi melibatkan penggunaan pelbagai sumber data seperti temu bual, dokumen rekod kehadiran, dan data dari APDM untuk memastikan konsistensi dapatan. Triangulasi membolehkan penyelidik membandingkan dan mengesahkan maklumat yang diperoleh, yang secara langsung meningkatkan kesahan kajian.

Selepas analisis awal, pengkaji merujuk semula dapatan utama kepada responden untuk mendapatkan pengesahan bahawa maklumat yang dikumpulkan adalah tepat dan mewakili perspektif mereka dengan betul. Semakan ini juga memberi peluang kepada responden untuk menambah maklumat yang mungkin terlepas semasa temu bual asal, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan data.

Pengkaji menyimpan rekod yang teliti mengenai setiap langkah yang diambil dalam pengumpulan dan analisis data. Jejak audit termasuk nota lapangan, proses pengkodan, dan pengelompokan tema, yang dapat diteliti oleh pihak ketiga untuk mengesahkan konsistensi proses. Ini membantu memastikan bahawa dapatan adalah berdasarkan prosedur yang sistematik dan boleh disemak oleh pihak lain.

Untuk mengukur kesepakatan antara penyelidik dalam pengkodan data kualitatif, Cohen's Kappa boleh digunakan, terutamanya jika terdapat lebih dari satu pengkaji yang terlibat dalam pengkodan. Statistik ini mengukur tahap kesepakatan yang dicapai di luar kebetulan dan membantu meningkatkan kebolehpercayaan data kualitatif.

Jadual Kemungkinan Kod, Kategori, Tema dan Proposisi

| Kod                           | Kategori              | Tema                       | Proposisi                                                                                                  | Sumber Rujukan                          |
|-------------------------------|-----------------------|----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------|
| Sokongan moral kepada guru    | Sokongan pengetua     | Kepimpinan instruksional   | Sokongan moral yang diberikan oleh pengetua meningkatkan motivasi guru dalam pengajaran                    | Robinson (2007); Pietsch et al. (2023)  |
| Pengangkutan disediakan       | Intervensi pengurusan | Pengurusan kehadiran murid | Penyediaan pengangkutan oleh JAKOA mengurangkan masalah ketidakhadiran murid Orang Asli                    | Data APDM dan temubual                  |
| Motivasi rendah murid         | Cabaran kehadiran     | Faktor kehadiran murid     | Motivasi rendah mempengaruhi kekerapan kehadiran murid Orang Asli dalam kelas                              | Castro et al. (2015); Nye et al. (2006) |
| Penekanan kepada pembelajaran | Fokus akademik        | Kepimpinan instruksional   | Pengetua yang menekankan kepentingan akademik dapat meningkatkan komitmen murid terhadap kehadiran sekolah | Nye et al. (2006); Epstein (2005)       |
| Komunikasi ibu bapa-guru      | Penglibatan ibu bapa  | Faktor kehadiran murid     | Komunikasi aktif antara ibu bapa dan guru membantu meningkatkan sokongan                                   | Epstein (2005); Castro et al. (2015)    |

|  |  |  |                             |  |
|--|--|--|-----------------------------|--|
|  |  |  | kepada murid untuk<br>hadir |  |
|--|--|--|-----------------------------|--|

Jadual ini dapat menyediakan satu struktur yang menghubungkan kategori dengan rujukan yang sah. Dengan kaedah penganalisan data dan strategi kesahan dan kebolehppercayaan yang diterapkan, kajian ini bertujuan menghasilkan dapatan yang telus dan tepat mengenai peranan kepimpinan instruksional pengetua dalam mengurus kehadiran murid Orang Asli.

### 3.0 DAPATAN KAJIAN

Perkara-perkara berikut telah dikenalpasti sebagai cabaran untuk meningkatkan kehadiran murid orang asli ke sekolah antaranya ialah sokongan keluarga, masalah jarak dan pengangkutan ke sekolah, gaya hidup orang asli dan program pendidikan untuk masyarakat Orang Asli belum optimal. Analisis data yang diperoleh melalui temu bual separa struktur, pemerhatian, dan analisis dokumen telah mengenal pasti beberapa tema utama yang berkaitan dengan isu kehadiran, termasuk faktor keluarga, budaya, pengangkutan, dan sokongan sekolah.

#### Cabaran Utama dalam Kehadiran Murid Orang Asli

##### 1) Sokongan Keluarga

Salah satu cabaran utama yang dikenal pasti ialah kurangnya sokongan keluarga terhadap pendidikan murid Orang Asli. Hasil temu bual dengan guru dan pentadbir sekolah mendapati bahawa kebanyakan ibu bapa murid Orang Asli dalam PPKI tidak memberikan perhatian serius terhadap kehadiran anak-anak mereka ke sekolah. Salah seorang guru PPKI menyatakan:

"Keluarga murid sering kali memandang sekolah sebagai tidak penting. Mereka lebih mementingkan kerja harian untuk menyara keluarga. Murid-murid juga tidak didorong untuk hadir ke sekolah secara konsisten."

Hal ini berpunca daripada tahap pendidikan ibu bapa yang rendah serta kekurangan kesedaran tentang kepentingan pendidikan formal bagi masa depan anak-anak mereka. Dalam komuniti Orang Asli, pendidikan sering dianggap kurang relevan berbanding kemahiran tradisional seperti bercucuk tanam, berburu, dan menangkap ikan. Ini menjadi penghalang utama dalam usaha meningkatkan kadar kehadiran murid.

Selain itu, masalah ekonomi turut memburukkan keadaan. Dapatan daripada temu bual dengan ibu bapa mendapati bahawa keluarga murid sering bergelut dengan masalah kewangan. Sebilangan besar keluarga Orang Asli tergolong dalam kategori miskin tegar, dan anak-anak sering kali terpaksa membantu ibu bapa melakukan kerja harian seperti menjaga adik-beradik atau membantu dalam pertanian. Keadaan ini menyebabkan kehadiran murid ke sekolah tidak menjadi keutamaan. Seorang ibu bapa berkongsi:

"Kadang-kadang anak-anak tidak boleh pergi sekolah sebab kami tiada wang untuk tambang bas. Kalau jauh, susah juga nak hantar."

Pemerhatian terhadap murid menunjukkan bahawa murid yang hadir ke sekolah dengan tidak konsisten selalunya mengalami masalah motivasi kerana kurangnya sokongan di rumah.

## 2) Masalah Jarak dan Pengangkutan ke Sekolah

Cabaran kedua ialah masalah jarak sekolah dan pengangkutan ke sekolah yang menjadi halangan utama kehadiran murid Orang Asli dalam PPKI. Berdasarkan analisis dokumen dan temu bual dengan guru, sebilangan besar murid tinggal di kawasan yang jauh dari sekolah. Bagi murid yang tidak tinggal di asrama, mereka perlu bergantung kepada pengangkutan awam atau berjalan kaki dalam jarak yang jauh, yang memakan masa dan tenaga. Seorang guru menyatakan:

"Jarak rumah ke sekolah bagi murid Orang Asli boleh jadi sejauh 10 kilometer atau lebih. Mereka tiada pilihan selain berjalan kaki atau menaiki bas yang kadang-kadang tidak menepati masa."

Seorang pentadbir sekolah pula menambah:

"Kebanyakan keluarga tidak mampu membayar tambang bas secara konsisten. Malah, ketiadaan pengangkutan awam di kawasan pedalaman menjadikan perjalanan ke sekolah semakin mencabar bagi murid Orang Asli."

Kos pengangkutan yang tinggi menyukarkan keluarga untuk menghantar anak-anak ke sekolah, terutama bagi mereka yang berpendapatan rendah. Masalah ini menjadi lebih kritikal apabila keluarga terpaksa memilih antara menanggung kos pengangkutan atau memenuhi keperluan asas lain. Data kehadiran sekolah menunjukkan bahawa murid yang tinggal jauh mempunyai kadar kehadiran yang lebih rendah berbanding murid lain.

Pemerhatian turut mendapati bahawa murid yang tinggal di asrama sekolah sering menghadapi masalah penyesuaian diri. Mereka merasa rindu kampung halaman dan kurang mendapat sokongan emosi, yang menyebabkan mereka kerap ponteng sekolah atau pulang ke rumah sebelum sesi persekolahan tamat. Hal ini menunjukkan bahawa masalah jarak dan pengangkutan bukan sahaja melibatkan aspek logistik tetapi juga kesan psikologi terhadap murid Orang Asli.

Untuk mengatasi cabaran ini, usaha kolaboratif antara sekolah dan pihak berkaitan, seperti JAKOA dan kerajaan tempatan, diperlukan untuk menyediakan penyelesaian seperti pengangkutan percuma atau subsidi tambang, selain menambah baik perkhidmatan dan program di asrama untuk membantu murid menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu.

## 3) Gaya Hidup Orang Asli

Gaya hidup Orang Asli juga memainkan peranan signifikan dalam isu kehadiran murid Orang Asli. Hasil temu bual dengan guru dan pentadbir mendapati bahawa gaya hidup dalam komuniti Orang Asli sering bertentangan dengan sistem pendidikan formal. Gaya hidup nomad dan tradisi yang masih kuat diamalkan oleh komuniti ini menyebabkan murid tidak dapat hadir ke sekolah secara konsisten. Seorang pentadbir sekolah menjelaskan:

"Keluarga murid Orang Asli kadang-kadang berpindah-randah mengikut keperluan kerja. Ini menyebabkan anak-anak terpaksa ponteng sekolah untuk ikut bersama keluarga."

Seorang guru PPKI turut berkongsi pandangan yang serupa:

"Ada keluarga Orang Asli yang lebih mengutamakan aktiviti seperti berburu atau bercucuk tanam. Mereka rasa kemahiran hidup ini lebih penting daripada menghantar anak-anak ke sekolah setiap hari."

Selain itu, terdapat persepsi negatif terhadap pendidikan formal dalam komuniti ini. Pendidikan sering kali dilihat sebagai sesuatu yang tidak relevan dengan cara hidup mereka, terutamanya bagi murid berkeperluan khas. Dalam budaya tradisional mereka, kemahiran hidup asas lebih diutamakan berbanding pendidikan akademik. Faktor ini menghalang murid daripada melihat nilai pendidikan dalam meningkatkan kualiti hidup mereka.

#### 4) Program Pendidikan untuk Masyarakat Orang Asli Belum Optimal

Cabaran seterusnya ialah program pendidikan untuk masyarakat Orang Asli belum optimal. Hasil temu bual dengan guru mendapati bahawa sekolah tidak mempunyai sumber yang mencukupi untuk menyediakan program sokongan khusus bagi membantu murid Orang Asli menghadapi cabaran kehadiran. Guru PPKI sering kali berdepan dengan beban kerja yang tinggi dan kekurangan latihan dalam menangani isu kehadiran murid. Seorang guru berkongsi:

"Kami cuba buat yang terbaik, tapi kami kekurangan sumber. Kadang-kadang susah nak beri perhatian kepada setiap murid, apatah lagi nak pastikan mereka datang sekolah setiap hari."

Seorang pentadbir sekolah pula menyatakan pandangannya mengenai kekangan program pendidikan ini:

"Program yang ada tidak cukup fokus kepada keperluan komuniti Orang Asli. Banyak isu kehadiran murid yang tidak dapat diselesaikan kerana sekolah tidak mempunyai tenaga pengajar yang terlatih atau bahan pengajaran yang sesuai dengan budaya mereka."

Analisis dokumen turut menunjukkan bahawa program pendidikan yang dirancang di peringkat sekolah belum menyasarkan peningkatan kehadiran murid Orang Asli secara khusus. Kekurangan tenaga pengajar yang memahami latar belakang budaya murid Orang Asli dan ketiadaan bahan bantu mengajar yang relevan menyukarkan usaha untuk menjadikan sekolah lebih inklusif. Kekurangan ini menunjukkan perlunya program pendidikan yang lebih fokus dan disesuaikan dengan keperluan komuniti Orang Asli.

#### Strategi Meningkatkan Kehadiran Murid Orang Asli

##### 1) Kerjasama Sekolah dan Keluarga

Kerjasama antara sekolah dan keluarga merupakan salah satu strategi yang paling berkesan dalam meningkatkan kehadiran murid Orang Asli ke sekolah. Hubungan yang erat antara pihak sekolah dan keluarga dapat membantu mengenal pasti cabaran sebenar yang dihadapi oleh murid dan mencari penyelesaian yang praktikal. Guru dan pentadbir sekolah menyarankan agar program seperti ziarah cakna, lawatan ke rumah, dan sesi dialog bersama ibu bapa dijalankan secara berkala. Program ini bertujuan

untuk meningkatkan kesedaran keluarga tentang kepentingan pendidikan formal serta mewujudkan hubungan yang lebih erat antara sekolah dan komuniti Orang Asli.

Ziarah cakna merupakan inisiatif yang boleh memberi impak besar kepada keluarga Orang Asli. Dalam ziarah ini, guru atau pentadbir sekolah melawat rumah murid untuk berbincang dengan ibu bapa mengenai kehadiran anak-anak mereka ke sekolah. Melalui pendekatan ini, pihak sekolah dapat memahami cabaran harian yang dihadapi oleh keluarga, seperti kesempitan hidup, masalah pengangkutan, atau kurangnya motivasi murid. Seorang pentadbir sekolah menjelaskan:

"Kita boleh buat sesi lawatan ke rumah murid untuk berbincang dengan ibu bapa tentang masalah kehadiran anak-anak mereka. Ini boleh membantu kita memahami cabaran mereka dengan lebih mendalam."

Selain itu, pihak sekolah juga boleh mengambil inisiatif memberi sumbangan berbentuk barangan keperluan asas seperti pakaian sekolah, makanan asas seperti beras, gula, roti, dan susu. Bantuan ini bukan sahaja meringankan beban keluarga tetapi juga menunjukkan keprihatinan sekolah terhadap kebajikan murid. Sumbangan ini juga boleh meningkatkan semangat murid untuk hadir ke sekolah kerana mereka berasa dihargai dan dibantu.

Sebagai tambahan, sesi dialog bersama ibu bapa dapat diadakan untuk memberi penerangan tentang pentingnya pendidikan formal bagi masa depan anak-anak mereka. Dalam sesi ini, guru boleh berkongsi maklumat tentang kemajuan murid dan memberikan cadangan praktikal untuk membantu anak-anak mereka menghadiri sekolah secara konsisten. Program-program ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran ibu bapa tetapi juga membina hubungan yang saling menyokong antara sekolah dan keluarga.

Kerjasama yang berterusan melalui program seperti ini dapat menjadi pemangkin kepada perubahan sikap keluarga terhadap pendidikan. Dengan melibatkan komuniti secara aktif, sekolah dapat memastikan murid Orang Asli hadir ke sekolah secara lebih konsisten, sekaligus membantu mereka mencapai potensi diri dalam aspek akademik dan sosial.

## 2) Program Kesedaran Pendidikan

Strategi kedua ialah melaksanakan program kesedaran pendidikan yang melibatkan komuniti Orang Asli. Program ini bertujuan untuk memberi penerangan tentang kepentingan pendidikan kepada ibu bapa dan murid. Aktiviti seperti kempen pendidikan, ceramah motivasi, dan bengkel untuk ibu bapa boleh membantu mengubah persepsi negatif terhadap pendidikan.

## 3) Menyediakan Sokongan Pengangkutan

Bagi menangani isu jarak dan pengangkutan yang sering menjadi penghalang utama kehadiran murid Orang Asli ke sekolah, pihak sekolah dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menyediakan perkhidmatan pengangkutan van percuma untuk membawa murid Orang Asli pergi dan balik dari sekolah. Langkah ini bertujuan memastikan murid mempunyai akses yang lebih mudah untuk hadir ke sekolah setiap hari, terutama bagi mereka yang tinggal jauh di kawasan pedalaman.

Menurut laporan SUHAKAM (2010), masalah jarak sekolah dan kos pengangkutan yang tinggi sering menjadi faktor utama yang menyumbang kepada rendahnya kadar kehadiran murid Orang Asli. Dengan adanya perkhidmatan van ini, ibu bapa tidak lagi perlu risau tentang beban kewangan untuk tambang harian, sekaligus mengurangkan kebarangkalian murid ponteng sekolah kerana masalah logistik.

Selain itu, pihak sekolah juga digalakkan untuk menambah baik kemudahan di asrama dengan menyediakan program sokongan emosi dan aktiviti yang mesra budaya. Program seperti sesi bimbingan kaunseling, aktiviti kebudayaan, dan latihan kemahiran hidup dapat membantu murid Orang Asli menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu. Ini penting kerana, menurut kajian oleh Hassan dan Daud (2024), murid Orang Asli juga mengalami tekanan mental akibat diskriminasi dan tekanan sosial kerana rasa dipinggir dan rasa rendah diri, yang boleh menjejaskan kesejahteraan psikologi mereka.

Kerjasama antara pihak sekolah dan JAKOA ini merupakan langkah strategik yang signifikan dalam menangani cabaran logistik. Dengan adanya pengangkutan percuma dan penambahbaikan kemudahan di asrama, diharap kadar kehadiran murid Orang Asli ke sekolah dapat ditingkatkan, sekaligus membuka peluang kepada mereka untuk meraih pendidikan yang lebih berkualiti.

#### 4) Pendekatan Pengajaran Inklusif

Strategi terakhir dalam meningkatkan kehadiran murid Orang Asli ke sekolah adalah melalui pelaksanaan pendekatan pengajaran yang inklusif, khususnya dengan menilai semula pelaksanaan program Elemen Berasaskan Aktiviti Inklusif (EBAI). Program EBAI yang dilaksanakan di sekolah perlu dipilih dan disesuaikan dengan keperluan serta minat semua murid, termasuk murid Orang Asli. Antaranya ialah aktiviti seperti perkhemahan, jamuan, NILAM, boiling, dan hari patriotik yang telah dilaksanakan sebelum ini. Walaupun program-program ini memberi kesan positif kepada murid secara keseluruhan, penyesuaian tambahan terhadap program EBAI untuk komuniti Orang Asli perlu dilakukan bagi memastikan penglibatan mereka lebih efektif.

Sebagai tambahan, aktiviti yang lebih relevan dengan latar belakang dan minat murid Orang Asli boleh diperkenalkan. Contohnya, tanaman, mencuci kenderaan, petanque, dan penggunaan pengangkutan awam adalah aktiviti yang bukan sahaja menarik tetapi juga mempunyai elemen pembelajaran praktikal yang berkait rapat dengan kehidupan harian mereka. Aktiviti ini boleh diselaraskan dengan program EBAI lain, menjadikannya inklusif dan boleh diaplikasikan kepada semua murid tanpa mengira latar belakang.

Latihan guru turut menjadi komponen penting dalam memastikan keberkesanan pendekatan ini. Menurut kajian oleh Wong (2018), guru perlu menerima latihan tambahan untuk memahami konteks dan cabaran khusus pelajar Orang Asli, dan strategi pengajaran yang diperlukan untuk menanganinya. Latihan ini membolehkan guru merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran yang bersifat praktikal, interaktif, dan menyeronokkan, sekaligus menarik minat murid untuk hadir ke sekolah.

Sebagai contoh, aktiviti seperti mencuci kenderaan boleh diintegrasikan dengan pembelajaran kemahiran hidup, sementara tanaman boleh dikaitkan dengan subjek sains atau geografi. Aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan penglibatan murid tetapi juga memberi nilai tambah kepada pembelajaran mereka.

Penggunaan pendekatan ini penting untuk memastikan murid Orang Asli merasa dihargai dan dilibatkan dalam sistem pendidikan, sekaligus membantu meningkatkan kadar kehadiran mereka ke sekolah.

Kerangka EBAI yang disesuaikan ini mencerminkan usaha pihak sekolah untuk memenuhi keperluan semua murid, termasuk murid Orang Asli. Dengan pelaksanaan program yang relevan dan inklusif, sekolah dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan menarik.

#### Perbincangan Dapatan Kajian

##### 1) Sokongan Keluarga dan Sokongan Pendidikan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kurangnya sokongan keluarga merupakan salah satu punca utama kehadiran murid Orang Asli dalam PPKI rendah. Hal ini selari dengan kajian Mohd Nor & Omar (2019) yang menyatakan bahawa tahap pendidikan rendah dalam kalangan ibu bapa Orang Asli menyebabkan mereka kurang memahami kepentingan pendidikan formal. Dalam komuniti ini, pendidikan sering dianggap tidak relevan berbanding kemahiran tradisional seperti bercucuk tanam dan berburu yang lebih praktikal untuk kehidupan seharian.

Perbincangan ini mencerminkan keperluan untuk mewujudkan hubungan yang lebih erat antara pihak sekolah dan keluarga murid Orang Asli. Jika ibu bapa lebih terlibat dalam pendidikan anak-anak, sokongan yang diberikan akan meningkatkan motivasi murid untuk hadir ke sekolah. Oleh itu, kerjasama yang lebih baik antara pihak sekolah dan komuniti Orang Asli adalah kunci penting dalam menangani isu ini. Ini juga mencadangkan perlunya sesi dialog berkala, program kesedaran pendidikan, dan lawatan ke rumah untuk mendekatkan hubungan antara sekolah dan ibu bapa.

Selain itu, isu kemiskinan keluarga turut memberi kesan langsung kepada kehadiran murid. Hasil temu bual mendapati bahawa keluarga sering kali terpaksa mengutamakan keperluan ekonomi harian berbanding pendidikan anak-anak. Ini menepati dapatan kajian Abdullah et al. (2021) yang menyatakan bahawa keluarga miskin cenderung melihat pendidikan sebagai beban tambahan. Bagi menangani masalah ini, pihak berwajib seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan agensi kerajaan lain perlu menyediakan bantuan kewangan, subsidi pengangkutan, dan program sokongan ekonomi yang lebih khusus kepada keluarga Orang Asli. Bantuan ini dapat memastikan pendidikan anak-anak menjadi lebih mudah dicapai dan tidak terbeban dengan kos sampingan seperti pengangkutan dan kelengkapan sekolah.

##### 2) Pengangkutan dan Infrastruktur Sekolah

Satu lagi isu kritikal yang dikenal pasti ialah masalah jarak sekolah dan pengangkutan. Hasil pemerhatian dan analisis dokumen menunjukkan bahawa kebanyakan murid Orang Asli tinggal jauh dari sekolah, menyebabkan mereka terpaksa bergantung pada pengangkutan yang mahal atau berjalan kaki dalam jarak yang jauh. Situasi ini turut disokong oleh kajian Mohamed et al., (2024) yang menyatakan bahawa isu pengangkutan menjadi penghalang utama kehadiran murid dari komuniti pedalaman.

Dalam perbincangan ini, pendekatan yang lebih holistik perlu diketengahkan. Penyediaan pengangkutan percuma atau subsidi tambang bas perlu diberi perhatian oleh pihak sekolah dan kerajaan. Penempatan asrama yang selesa dan mesra budaya juga boleh menjadi penyelesaian jangka panjang (Mohamed et al., 2024). Walau bagaimanapun, masalah penyesuaian murid yang tinggal di asrama perlu

ditangani dengan lebih sistematis. Program sokongan emosi seperti kaunseling, aktiviti kemasyarakatan, dan bimbingan khusus boleh membantu murid menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu.

Isu infrastruktur sekolah yang kurang mesra murid Orang Asli turut perlu diberi perhatian. Sekolah perlu memastikan kemudahan asas seperti bilik darjah, tandas, dan ruang pembelajaran disediakan dalam keadaan baik dan selesa. Penyediaan kemudahan mesra budaya seperti bahan pembelajaran yang berkaitan dengan identiti Orang Asli juga boleh menarik minat murid untuk hadir ke sekolah.

### **3) Gaya Hidup dan Persepsi Terhadap Pendidikan**

Gaya hidup dalam komuniti Orang Asli turut mempengaruhi kehadiran murid dalam PPKI. Budaya hidup nomad dan nilai tradisional sering bertentangan dengan sistem pendidikan formal yang berstruktur. Seperti yang dinyatakan dalam kajian Adnan et al., (2021), komuniti Orang Asli cenderung mengutamakan kebersamaan keluarga dan kemahiran hidup asas berbanding pendidikan formal.

Dalam konteks ini, perbincangan menunjukkan bahawa sekolah perlu mengambil pendekatan pengajaran yang lebih inklusif dan menghormati budaya komuniti Orang Asli. Guru perlu dilatih untuk memahami latar belakang budaya murid dan mengintegrasikan elemen budaya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Contohnya, penggunaan bahan bantu mengajar yang berasaskan konteks kehidupan harian murid Orang Asli boleh menjadikan pembelajaran lebih menarik dan relevan kepada mereka.

Selain itu, program kesedaran pendidikan yang melibatkan komuniti perlu diperluaskan. Program ini boleh dijalankan melalui ceramah, bengkel, dan aktiviti komuniti bersama ibu bapa dan pemimpin komuniti. Penerangan yang jelas tentang manfaat pendidikan jangka panjang boleh mengubah persepsi negatif terhadap pendidikan formal dan meningkatkan sokongan keluarga terhadap kehadiran anak-anak mereka ke sekolah.

### **4) Sokongan Sekolah dan Peranan Guru**

Kekurangan sumber di peringkat sekolah dan kurangnya latihan guru turut menjadi isu penting yang dibincangkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru PPKI berhadapan dengan beban kerja yang tinggi dan kurangnya latihan khusus untuk menangani murid Orang Asli dalam program pendidikan khas. Kajian Oliver et al., (2015) juga menyokong bahawa sokongan yang tidak mencukupi di peringkat sekolah menyumbang kepada kadar kehadiran murid yang rendah.

Perbincangan ini mencadangkan agar pihak sekolah dan KPM menyediakan latihan berterusan kepada guru untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam pengajaran yang mesra budaya dan inklusif. Guru yang terlatih dapat memahami cabaran yang dihadapi oleh murid dan menyediakan pendekatan pengajaran yang lebih sesuai. Selain itu, sokongan pentadbiran yang kukuh amat diperlukan dalam merancang program intervensi bagi menangani isu kehadiran murid.

Sekolah juga boleh melaksanakan program intervensi khas seperti sesi bimbingan individu, aktiviti pembelajaran berasaskan projek, dan aktiviti kokurikulum yang menarik. Program ini bukan sahaja dapat meningkatkan motivasi murid untuk hadir ke sekolah, malah membantu mereka membina keyakinan diri dan kemahiran sosial yang penting.

## 9. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kehadiran murid Orang Asli dalam PPKI menghadapi pelbagai cabaran yang memerlukan perhatian khusus daripada pelbagai pihak. Dengan pelaksanaan strategi seperti kerjasama erat dengan keluarga, program kesedaran pendidikan, penyediaan pengangkutan, dan pendekatan pengajaran inklusif, diharap kadar kehadiran murid Orang Asli dapat ditingkatkan. Kajian ini memberikan implikasi penting kepada guru, pentadbir sekolah, pembuat dasar, dan komuniti Orang Asli dalam memastikan pendidikan yang lebih inklusif dan berkesan untuk murid Orang Asli. Usaha bersama ini dapat membantu murid Orang Asli mencapai potensi penuh mereka dalam aspek akademik, sosial, dan kemahiran hidup, sekaligus meningkatkan kualiti hidup komuniti ini secara keseluruhan.

## RUJUKAN

1. Adnan, A., Shah, D., Tahir, M., Salim, M., & Yusof, A. (2021). The Lived Experiences and Non-formal Education of Malaysian 'Orang Asli' (Native People) Youngsters. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i9/11050>.
2. Abdullah, I. N., & Don, A. G. H. (2019). Keadaan ekonomi komuniti Orang Asli Semoq Beri di Terengganu: Satu tinjauan. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 53(1), 68-79.
3. Abdullah, M. F., & Don, A. G. H. (2019). Multidimensional Poverty Index of Marginalized Orang Asli in Terengganu, Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 27(2), 409-421.
4. Abdullah, N., & Ismail, K. (2021). Persepsi Ibu Bapa Orang Asli Terhadap Pengalaman Pendidikan Anak-Anak Orang Asli di Sekolah.
5. Awang, M. M., Khairuddin, K. F., Ahmad, A. R., Ab Ghani, S., Abdul Wahab, J. L., & Raja Mamat, R. M. S. (2022). Ketidakhadiran ke sekolah: Faktor penyebab, aktiviti ketika ponteng dan aspirasi budaya belajar pelajar Orang Asli. *Malaysian Journal of Learning and Instruction (MJLI)*, 19(1), 277-308.
6. Bernama. (2022). Isu Pendidikan Orang Asli: Di Mana Noktahnya?.
7. Hassan, N. H. M., & Daud, N. A. M. (2024). Exploration of Stress Among Orang Asli Students at a Secondary School in Kuantan District. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17, 31-42.
8. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2013). Pelaksanaan Program LINUS dalam Kalangan Murid Orang Asli Tahun 1 di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Hulu Terengganu.
9. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). Program Khas Murid Orang Asli (PKMOA).
10. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Laporan Tahunan 2020.
11. Mat, N. H. N., Salleh, H. S., Yusof, Y., Mohamed, W. N., & Noor, N. A. M. (2021). Panduan Penyelidikan Ilmiah: Kaedah dan Penulisan (UUM Press). UUM Press.
12. Mat Noor, S., & Mohamad, M. M. (2021). Meningkatkan Kebolehpasaran Murid-Murid Orang Asli Sema melalui Projek Jualan Bakeri Sema Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Pandemik COVID-19.
13. Mohamad, M. (2010). Masalah Ketidakhadiran Murid Orang Asli ke Kegiatan Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Hulu Terengganu.
14. Mohamed, A., Kutty, F., Aniza, N., & , M. (2024). EXPLORING THE SCHOOL LEARNING EXPERIENCES OF INDIGENOUS STUDENTS IN EDUCATION INSTITUTIONS:

- CHALLENGES AND BARRIERS TO EDUCATIONAL CONTINUITY. Special Education [SE]. <https://doi.org/10.59055/se.v2i1.27>.
15. Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Mohamad Fauzi Sukimi, & Mohd Nasaruddin Mohd Nor. (2018). Kesedaran pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. *Jurnal Perspektif Pembelajaran*, 3(1), 45-58.
  16. Mohd Noor, M. I., Abdullah, M. F., Tedong, P. A., Ahmad Zaini, A., Abd Kadir, N. A., & Abdullah, M. T. (2023). Indigenous parents' perception of the effectiveness of formal education in Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 8(1), 384-405.
  17. Mohd Nor, M. Y., & Omar, R. (2019). Empowering Orang Asli Educators with Mobile Learning for Basic Literacy. *Religación. Revista De Ciencias Sociales Y Humanidades*, 4(19), 123-133.
  18. Oliver, R., Grote, E., Rochecouste, J., & Dann, T. (2015). Indigenous Student Perspectives on Support and Impediments at University. *The Australian Journal of Indigenous Education*, 45, 23 - 35. <https://doi.org/10.1017/jie.2015.16>.
  19. Othman, I. (2022). Educating Orang Asli Students: The Challenges Towards Achieving the Malaysian Sustainable Education Agenda. *Jurnal Intelek*. <https://doi.org/10.24191/ji.v17i1.15845>.
  20. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). (2010). Laporan Status Hak Pendidikan Kanak-Kanak Orang Asli.
  21. Wan Afizi, W. I., & Edam, S. (2014). Faktor Budaya dan Persekitaran dalam Prestasi Pendidikan Anak Orang Asli Malaysia: Kajian Kes di Kelantan.
  22. Wong, B. (2018). Poverty and primary education of the Orang Asli children.. . <https://doi.org/10.4324/9781315147215-4>.
  23. Yew, W. C., & Nordin, N. H. (2021). Persepsi Murid Orang Asli Terhadap Kurikulum dan Relevansi Pendidikan di Sekolah.